

KENYATAAN MEDIA

18 SEPTEMBER 2021

KUALA LUMPUR, 18 September – UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat") merujuk kepada piket yang telah diadakan di Hospital Bahagia Ulu Kinta di Tanjung Rambutan, Perak pada 17 September 2021 dan ingin memberi penjelasan terhadap tuduhan yang dibuat oleh Kesatuan Pekerja-Pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan di Hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia ("kesatuan") mengenai dakwaan berat sebelah dalam struktur pemberian ganjaran Syarikat.

Syarikat ingin menegaskan bahawa struktur pemberian ganjaran kami adalah berdasarkan falsafah bayaran mengikut prestasi kerja. Setakat 31 Disember 2020, sebanyak 86% daripada 2,018 pekerja pembersihan yang telah disahkan status perkhidmatan sebagai pekerja tetap, telah menerima kenaikan gaji antara RM30 hingga maksimum RM100 yang diberi berdasarkan prestasi kerja individu. Manakala, baki sebanyak 14% lagi dikecualikan daripada menerima kenaikan gaji berikutan kegagalan mereka memenuhi standard prestasi kerja minimum dan/atau telah dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak pengurusan disebabkan isu-isu yang berkaitan dengan masalah disiplin.

Kami memegang teguh prinsip menyediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan positif untuk warga kerja kami sejajar dengan nilai F.I.R.S.T Syarikat. Warga kerja kami mewakili jenama, budaya dan imej Syarikat. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk meningkatkan pembangunan modal insan dalam kalangan warga kerja, kami akan memberi tumpuan kepada program peningkatan kemahiran untuk membantu mereka mencapai sasaran dan melengkapkan diri dengan kemahiran serta pengetahuan yang lebih baik. Ini juga akan membolehkan warga kerja kami mempamerkan prestasi yang baik dalam tugas harian mereka, seterusnya membolehkan mereka diiktiraf dan diberi ganjaran.

Sebarang tuntutan untuk membayar pekerja yang tidak layak menerima kenaikan gaji bukan sahaja melanggar prinsip-prinsip kami untuk memupuk budaya kerja yang berasaskan prestasi dalam Syarikat, tetapi juga tidak adil dan bersifat diskriminasi kepada majoriti warga kerja yang telah memenuhi prestasi kerja mereka dan telah menerima ganjaran dengan sewajarnya.

Sebarang maklumat lanjut atau perkembangan terkini berkaitan dengan perkara ini akan dimaklumkan melalui laman web Syarikat (<http://www.uemedgenta.com/>)

-ends-

About UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) is a leading Asset Management and Infrastructure Solutions company in the region and a subsidiary of UEM Group. Listed on the Main Market of Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), our expertise covers Healthcare Support and Property & Facility Solutions, and Infrastructure Services covering Expressways and Rail, including project management & engineering design capabilities via Opus Consultants.

Guided by its 'Edgenta of the Future 2025' vision, UEM Edgenta's full suite of services is driven by technological advancements throughout the asset life cycle including consultancy, procurement & construction planning, operations & maintenance, as well as optimisation, rehabilitation and upgrades. Digital solutions across multiple industries positions UEM Edgenta as a powerhouse to become a Technology-Enabled Solutions Company with a focus on healthcare by 2025.

UEM Edgenta has operational presence in Malaysia, Singapore, Indonesia, Taiwan, India and United Arab Emirates.